

Proton e.MAS 5 Kini Dibuka untuk Tempahan, Saksikan Pelancarannya Secara Langsung

Jangan lepaskan peluang pada 4 Oktober jam 8.00 malam untuk menyaksikan pendedahan harga anggaran EV mampu milik di Malaysia serta pengumuman tawaran eksklusif untuk tempahan awal.

Shah Alam, 2 Oktober 2025 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh PROTON, mengumumkan bahawa tempahan untuk Proton e.MAS 5 serba baharu, kereta elektrik (EV) paling mampu milik di Malaysia, akan dibuka secara rasmi pada hari Sabtu, 4 Oktober 2025 menerusi acara siaran langsung khas yang berlangsung dari jam 8.00 malam hingga 10.30 malam.

Dikendalikan oleh pempengaruh Boss James, seorang usahawan terkemuka yang cukup dikenali dalam industri automotif, bersama Norreen Iman, pelakon terkenal Malaysia, sesi ini akan menampilkan segmen interaktif, demonstrasi produk secara langsung serta perkongsian pengalaman EV bersama pakar automotif.

Detik paling ditunggu-tunggu akhirnya tiba, iaitu pendedahan harga anggaran kereta ini! Acara siaran langsung "Open for Booking" boleh ditonton di semua saluran rasmi media sosial Proton e.MAS serta platform sosial pempengaruh, pakar teknologi dan automotif bagi membolehkan lebih ramai penonton menyaksikan dan berinteraksi secara langsung.

Direka sebagai sebuah EV untuk semua rakyat Malaysia, Proton e.MAS 5 menggabungkan nilai mampu milik dengan kepraktisan, menjadikan elektrifikasi lebih mudah diakses. Walaupun bersaiz kompak dalam segmen B, ia menawarkan keluasan setaraf kereta segmen C, memastikan keluarga, rakan-rakan dan penumpang menikmati perjalanan yang selesa. Sememangnya, e.MAS 5 adalah cara pemanduan yang lebih pintar, bersih dan praktikal.

"Proton e.MAS 5 ialah hatchback elektrik kompak pertama yang direka khusus untuk jalan raya dan gaya hidup rakyat Malaysia," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. "Sejak penampilannya di MARii Autoshow 2025, diikuti siri jelajah e.MAS Tour MISI 5, kempen *Electrify Your Life*, serta perarakan Hari Kebangsaan, Proton e.MAS 5 telah diperkenalkan kepada lebih tiga juta rakyat Malaysia dan menerima sambutan yang amat menggalakkan. Maklum balas pelanggan menjadi sebahagian penting dalam perjalanan ini, dan ia memberikan keyakinan kepada kami bahawa Proton e.MAS 5 akan menetapkan tanda aras baharu untuk mobiliti elektrik mampu milik di Malaysia."

Saksikan siaran langsung *Open for Booking* di TikTok dan Facebook pada 4 Oktober dari jam 8.00 malam hingga 10.30 malam.

Bermula 4 Oktober, rakyat Malaysia boleh menempah Proton e.MAS 5 sama ada melalui pelancaran siaran langsung atau di mana-mana pengedar Proton e.MAS seluruh negara. Tempah e.MAS 5 anda dan nikmati ganjaran eksklusif tempahan awal termasuk rebat khas. Tawaran ini hanya sah untuk pendaftaran awal dalam jumlah yang terhad. Jangan lepaskan peluang untuk bersama kami pada Sabtu, 4 Oktober jam 8 malam semasa kami mendedahkan lebih banyak kejutan yang pasti mengujakan!

- **TikTok:** <https://www.tiktok.com/@protonemasofficial>
- **Facebook:** <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Untuk maklumat terkini, info tempahan dan liputan langsung, layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies

- Tamat -

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama Malaysia, merupakan sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV dan membangunkan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memimpin perubahan ke arah mobiliti lestari dengan dedikasi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Dengan rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh serta ekosistem menyeluruh, Proton e.MAS memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk *INSPIRE CONNECTIONS* dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan dan piawaian bertaraf antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global